

Bina lebih banyak rumah mampu milik – Maimunah

PETALING JAYA – Datuk Bandar Kuala Lumpur yang baharu meletakkan komitmen kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk membina lebih banyak perumahan mampu milik berkonsepkan Madani di ibu negara.

Datuk Seri Dr. Maimunah Mohd. Shariff berkata, pertamahan kemudahan perumahan akan menjadikan Kuala Lumpur lebih selesa untuk didiami khususnya golongan muda.

Menurutnya, sejak semalam beliau mendapat banyak maklum balas termasuk dalam aspek perumahan mampu milik.

“Justeru, marilah kita bekerjasama untuk menambah baik kemudahan asas, menyediakan rumah yang lebih baik dan mam-

pu milik serta menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar untuk semua.

“Ini akan membantu menjadikan ibu kota kita menarik kepada golongan muda tempatan dan bakat global,” katanya pada sidang akhbar sempena hari pertama beliau memulakan tugas di bangunan DBKL, di sini semalam.

Beliau memberitahu, dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kelmarin, beliau berkongsi cita-citanya bagi meningkatkan imej global Kuala Lumpur berikutan Malaysia akan mempengerusikan ASEAN tahun depan.

Ujarnya, usaha berterusan perlu dilaksanakan bagi men-

jadikan Kuala Lumpur sebagai ibu kota yang mengekalkan warisan, identiti budaya, maju dalam pembangunan ekonomi tempatan yang dapat menarik pelabur.

“Kita mesti memastikan dapat melindungi mata pencarian, meningkatkan kualiti hidup dan menjadikan bandar ini lebih berdaya tahan terhadap iklim ekstrem,” katanya.

Kelmarin, Anwar menyerahkan surat pelantikan kepada Maimunah bagi menjalankan tugas sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur baharu bagi menggantikan Datuk Seri Kamarulzaman Mat Salleh.

Maimunah merupakan wanita pertama yang menjadi Datuk Bandar Kuala Lumpur.



MAIMUNAH mengetip perakam waktu ketika memulakan tugas di bangunan DBKL semalam.